

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	SKIM UPAH LEBIH ADIL UNTUK PENJAWAT AWAM AKAN DISEGERAKAN
	SUMBER	BERITA HARIAN
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	PERKHIDMATAN AWAM
	MUKA SURAT/RUANGAN	2 (NASIONAL)



Anwar pada Majlis Peluncuran PADU sambil disaksikan Ahmad Zahid (tiga dari kiri), Rafizi (tiga dari kanan), Menteri Digital, Gobind Singh Deo (dua dari kiri), Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmi Diron di PICC, Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Skim upah lebih adil untuk penjawat awam disegerakan

Kerajaan tak dapat laksana tahun lalu susulan masalah kewangan, hutang negara tinggi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan menegerakan pelaksanaan skim upah yang lebih adil dan munasabah kepada penjawat awam, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim. Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat menegerakan pelaksanaannya pada 2023 kerana kedudukan kewangan negara, selain mewarisi hutang yang tinggi. "Kita memutuskan untuk menegerakan pelaksanaan skim upah yang lebih adil dan munasabah kepada penjawat awam dan saudara harus percaya, kita tidak menegerakan pada tahun lalu kerana kita mewarisi kedudukan kewangan dan hutang negara ketika itu masih RM1.5 trilion dan defisit 5.6 peratus.

"Alhamdulillah dengan kerjasama semua pimpinan, Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha (KSU), agensi dan sektor swasta, kita dapat kurangkan kepada lima peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelun-

curan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli serta barisan anggota Kabinet.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata, skim gaji baharu untuk penjawat awam akan dimulakan sebelum akhir tahun 2023.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata beberapa garis panduan akan disediakan pada suku pertama 2024 supaya skim gaji baharu itu dapat diumumkan.

Katanya, sebelum ini tiada kajian menyeluruh mengenai skim gaji penjawat awam dilakukan, namun kerajaan ketika ini sedang melaksanakannya melalui Kajian Sistem Saranan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Prestasi membanggakan

Anwar berkata, beliau bangga dengan prestasi dipamerkan penjawat awam sehingga kerajaan berupaya melaksanakan dasar untuk kebaikan rakyat, termasuk pelaksanaan PADU.

"Melihat prestasi penjawat awam amat membanggakan, kalau ada pun kelemahan kecil yang sedang dipantau SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) tetapi umumnya sangat membanggakan.

"Maknanya kalau ada fokus yang jelas dengan komitmen dan iltizam untuk melaksana dengan

baik, saya percaya boleh dilakukan seperti peluncuran PADU," katanya.

Dalam pada itu, Anwar sekali lagi mengingatkan sesiapa sahaja tidak kira berjawatan Perdana Menteri atau Menteri Kewangan boleh dikenakan tindakan tegas jika terlibat dengan salah laku serta rasuah.

"Tekad kita saudara, saya syukur kita mempunyai satu pendirian jelas dengan dasar, saya mula dengan tata kelola dan melawan rasuah serta keghilaan SPRM bertindak tanpa mengira siapa.

"Tindakan diambil terhadap tokoh (supaya tidak) terlepas apa-apa bentuk penyalasan dan tindakan. (Jika) kamu curi kekayaan negara, (tidak kira) Perdana Menteri, Menteri Kewangan, kita terpaksa bertindak dengan tegas untuk selamatkan negara ini," katanya.

Selain SPRM, Perdana Menteri memuji usaha Polis Diraja Malaysia (PDRM) menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah jenis syabu terbesar di Sabah baru-baru ini.

Katanya, operasi PDRM berhasil mengambil tindakan terhadap pengedar, khususnya 'jerung' yang mendalangi sindiket berkenaan.

"Saya *salute* (tabik) PDRM menjelajah ke Sabah dan ambil tindakan tegas. Jadi, cerita jerung terlepas tak timbul lagi dan tumpuan kita adalah ke atas jerung ini supaya anak ikan beringat," katanya.

2.	TAJUK	'BERANI BINA, BERANI TANGGUNG'
	SUMBER	BERITA HARIAN
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	6 (NASIONAL)

'Berani bina, berani tanggung'

Penduduk tak ambil serius papan tanda amaran terdedah risiko batuan runtuh

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azrii@bh.com.my

Gombak: "Berani bina, berani tanggung" demikian rata-rata reaksi penduduk kepada *BH*, ketika meninjau kawasan sekitar Batu Caves yang tersenarai lima zon batu kapur yang dipercayai tidak stabil di negara ini, sehingga berpotensi mengundang risiko batuan runtuh.

Walaupun papan tanda amaran tertera peringatan 'Zon risiko tinggi batu kapur, dilarang menceroboh - Sebarang kemalangan adalah di bawah tanggungjawab sendiri' dipasang pihak berkuasa, namun ingatan itu tidak diambil serius oleh masyarakat setempat.

Amaran larangan pencerobohan kawasan terbabit dipasang Majlis Perbandaran Selangor (MPS) sebagai zon penampungan bagi menjamin keselamatan masyarakat setempat yang berada berhampiran kawasan itu.

Malangnya, amaran menerusi pemasangan papan tanda yang dipacak sekitar Batu Caves itu, langsung tidak diendahkan oleh kebanyakan penduduk sekitar

landskap batu kapur berkenaan apabila kawasan itu terus dicebroh dan diteroka bagi tujuan ekonomi dan pembinaan kediaman.

Berdasarkan tinjauan, banyak penempatan seperti kampung terletak berhampiran landskap batu kapur itu antaranya Kampung Sri Gombak Indah, Kampung Wira Damai dan Kampung Sepakat Jaya.

Pemerhatian sekitar lokasi itu mendapati banyak rumah yang dibina terlalu rapat, tidak sampai 20 meter dari landskap batu kapur berkenaan.

Malah, ada rumah yang didirikan kelihatan bersambung terus dengan struktur batu kapur walaupun difahamkan kawasan yang diduduki itu kebanyakannya milik kerajaan.

Turut dikesan ada pihak menceroboh zon penampungan dengan menjadikan kawasan itu sebagai lot kedai seperti menjalankan perniagaan kereta terpakai, pusat pengumpulan barang barang lusuh, pusat mencuci kenderaan dan restoran.

Dakwa belum ada tragedi

Seorang penduduk Kampung Sri Gombak Indah yang sudah lebih 20 tahun tinggal di kawasan itu, mendakwa belum pernah lagi berlaku tragedi mahupun insiden seperti runtuh batu membabitkan struktur batu kapur yang menimpa penempatan terbabit.

Walaupun musim hujan sekali pun, penduduk itu mendakwa ia langsung tidak mengakibatkan sebarang hakisan mahupun run-



Papan tanda amaran dipasang di zon berisiko tinggi di kawasan batu kapur, Batu Caves.

tuhan di sekitar kawasan itu.

Bagaimanapun, wujud kebimbangan segelintir penduduk di situ terhadap tindakan pemilik rumah yang menjadikan kawasan kediamannya sebagai lokasi aktiviti pendakian bukit.

Tinjauan mendapati, pemilik bangunan berkenaan bertindak membina struktur yang disambung dengan landskap batu kapur berkenaan sebagai laluan pendakian.

"Ada pemilik yang menjadikan

rumah mereka sebagai restoran dan tiba-tiba pula ada aktiviti pendakian bukit di situ.

"Ada juga aktiviti menebuk struktur batu kapur di situ untuk dijadikan laluan pendakian. Saya bimbang ia boleh menyebabkan keretakan sehingga menyebabkan batu jatuh menghempap struktur rumah berhampiran," katanya.

Sebuah restoran yang beroperasi dalam gua di Batu Caves turut dilesenkan pihak berkuasa tempatan walaupun tanpa sebarang penilaian kestabilan terhadap gua yang digunakan bagi tujuan itu.

Difahamkan, restoran berkenaan pernah dilawati wakil MPS serta Jabatan Mineral dan Geosains, namun tiada sebarang tindakan diambil dan restoran itu juga beroperasi seperti biasa di situ.

Dalam tinjauan sama di sekitar Batu Caves, mendapati ada sebuah dewan dijadikan kompleks silat terletak begitu hampir dengan landskap batu kapur. Bagaimanapun, tiada papan tanda amaran dan larangan dikeluarkan MPS di kawasan itu.

Tinjauan sekitar Kampung Sepakat Jaya dan Kampung Wira Damai turut mendapati banyak rumah dibina berhampiran cerun dan landskap batu kapur di situ, walaupun papan tanda amaran oleh MPS dipasang di situ.

Rata-rata penduduk yang ditemui di situ berpendapat tiada apa yang perlu dikhawatirkan kerana belum pernah berlaku ada runtuh sepanjangan puluhan tahun mereka menghuni rumah di kawasan itu.

3.	TAJUK	RANGKA PELAN MITIGASI ELAK KEJADIAN TAK DIINGINI
	SUMBER	BERITA HARIAN
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	6 (NASIONAL)

Rangka pelan mitigasi elak kejadian tak diingini

Kuala Lumpur: Aktivis alam sekitar dan pakar geobencana menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) bertindak sama ada menerusi operasi penguatkuasaan atau merangka pelan mitigasi untuk mengelak kejadian tidak diingini berlaku ke atas pihak yang menduduki zon batu kapur berisiko tinggi.

Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Hafizuddin Nasarudin, menegaskan penguatkuasaan yang suam-suam kuku mahupun selektif, perlu dielakkan dalam menjalankan tindakan terhadap pihak secara terang-terangan menceroob kawasan yang sudah pun dizonkan tidak selamat untuk orang ramai.

Bellau juga tidak menolak kegagalan kerajaan negeri menerusi PBT untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pihak menceroob kawasan berisiko itu boleh berlarutan sehingga menjadi ikutan atau 'teladan'

orang lain untuk turut sama menceroob kawasan terbahit dengan mendirikan premis seperti rumah dan sebagainya.

"Selalunya dari segi penguatkuasaan, memang akan ada pihak yang akan buat perbandingan disebabkan tindakan segelintir PBT yang pilih bulu sedangkan ada sahaja premis seperti rumah ibadat haram dibina dekat gua batu kapur dalam zon berisiko tinggi tetapi tiada tindakan diambil.

"Saya juga tidak menolak ada campur tangan politik dalam isu ini. Itu menjadi cabaran besar untuk laksanakan tindakan penguatkuasaan.

"Nak atau tidak, kena juga ambil tindakan sama ada menasihati pemilik premis berkenaan untuk segera berpindah ke zon selamat, bagi mengelakkan kejadian tidak diingini," katanya kepada *BH* semalam.

Muka depan *BH* semalam melaporkan sekurang-kurangnya li-

ma zon batu kapur berkeluasan ratusan ribu hektar di negara ini dipercayai tidak stabil sehingga boleh mengundang risiko batuan runtuh sekiranya pihak berkuasa terus membenarkan pembinaan kediaman dan infrastruktur kekal, termasuk tempat rekreasi.

Antara landskap batu kapur yang dikenali di negara ini ialah Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak; Geopark Langkawi, Kedah; Gunung Kanthan di Lembah Kinta, Perak dan Batu Caves di Gombak, Selangor.

Ini kerana landskap formasi batu kapur sering terdedah kepada pergerakan struktur dan sebarang pergerakan minimum walaupun hanya membatikan dua milimeter (mm), berisiko menyumbang kepada insiden runtuh yang boleh me-

ngancam nyawa.

Situasi itu didedahkan pakar keselamatan landskap batu kapur, Datuk Zakaria Mohamad yang menegaskan beberapa kawasan bukit kapur di negara ini dikesan diceroboh dengan sewenang-wenangnya oleh orang ramai, termasuk membabitkan pembinaan kediaman dan industri haram sehingga ia ibarat 'bom jangka'.

Untuk itu, pihak berkuasa perlu melaksanakan garis panduan kawalan pembangunan yang lebih ketat serta se-

imbang ke atas kawasan batu kapur dengan menguatkuasakan jarak selamat sekurang-kurangnya 200 meter untuk tujuan pembinaan dan pembangunan.

Pakar geobencana dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),



Goh Thian Lai

Ir Dr Goh Thian Lai, mengakui memang sukar untuk mengarahkan penduduk atau pihak yang mempunyai premis di zon yang berisiko tinggi berhampiran landskap batu kapur untuk berpindah sambil menambah antara puncanya adalah ia terkait hal politik.

Oleh yang demikian, beliau berkata isu yang berbangkit ini begitu sensitif untuk ditangani termasuklah menerusi tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa.

"Walaupun terdapat premis yang ada lesen perniagaan tetapi penilaian kestabilan gua mereka belum buat. Inilah bahayanya. Kerajaan kena ada pelan mitigasi.

"Perlu buat penilaian kestabilan oleh ahli geologi profesional. Saya pun sudah banyak buat penilaian gua untuk Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan swasta. Yang bahaya ialah entrance (pintu masuk) gua," katanya.

4.	TAJUK	PERBAHARUI LESEN, CUKAI JALAN DI APLIKASI MYJPJ BULAN DEPAM
	SUMBER	BERITA HARIAN
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	INFO SEMASA
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (NASIONAL)

Perbaharui lesen, cukai jalan diaplikasi MyJPJ bulan depan

Pengguna warga Malaysia guna e-LMM nikmati rebat RM5 sepanjang 2024

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Mulai Februari ini, orang ramai boleh memperbaharui cukai jalan kenderaan atau Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM), menerusi aplikasi MyJPJ.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata pertambahan fungsi baharu berkenaan akan memudahkan orang awam memperbaharui LKM dan LMM secara digital selain menjimatkan masa dan kos serta dapat mengurangkan kesesakan urusan niaga secara fizikal di kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Pelaksanaan urusan niaga pembaharuan LKM melalui aplikasi ini akan dilaksanakan secara berfasa yang mana pada peringkat

permulaan hanya membatik kenderaan persendirian individu (warganegara).

"Untuk menggalakkan penggunaan e-LMM, individu yang memilih Lesen Memandu Malaysia Digital (e-LMM) ketika pembaharuan akan menikmati rebat RM5 yang mana rebat ini dinikmati sepanjang 2024 iaitu bermula 1 Februari hingga 31 Disember," katanya selepas melawat JPJ Selangor, semalam.

Inisiatif berkenaan terpakai untuk mereka yang memilih e-LMM ketika pembaharuan sama ada melalui kaunter JPJ, portal mySIKAP, aplikasi MyJPJ atau rakan niaga JPJ (Pejabat Pos Malaysia dan MyEG Services Berhad).

Kaedah digital digemari

Ia hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia.

Dalam pada itu, Anthony berkata, berdasarkan dapatan kajian dan analisis statistik sepanjang 2023, JPJ mendapati pemandu dan pemilik yang memilih digitalisasi semakin meningkat dengan 7.5 juta pengguna.

Bagaimanapun, bagi pemandu dan pemilik kenderaan yang belum bersedia sepanjang tempoh interim pendigitalan 2024, mereka masih boleh memilih LKM

dan LMM fizikal.

Sementara itu, bermula semalam, orang awam juga boleh buat perkongsian Lesen Kenderaan Motor Digital (e-LKM) menggunakan fungsi baharu iaitu 'Kongsi LKM' di aplikasi MyJPJ.

Katanya, melalui fungsi baharu itu pemilik kenderaan boleh berkongsi e-LKM kepada ahli keluarga, rakan atau individu lain yang dibenarkan pemilik kenderaan.

Beliau berkata, pemilik hanya perlu klik nombor pendaftaran kenderaan, seterusnya tekan butang 'Kongsi LKM' untuk membuat perkongsian e-LKM kepada individu lain.

Untuk keselamatan, fungsi itu mempunyai tempoh had masa perkongsian yang boleh ditetapkan pemilik kenderaan dan mempunyai kod pengaktifan yang perlu diberikan kepada penerima e-LKM untuk mengaktifkan perkongsian.

"Sistem juga akan menghapuskan rekod perkongsian jika tidak diaktifkan dalam tempoh 24 jam," katanya.

Loke berkata, fungsi baharu dalam aplikasi MyJPJ itu dapat menyelesaikan persoalan apabila pengguna e-LKM memandu kenderaan bukan miliknya atau ahli keluarga.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EIMAS di emel berikut:

1. Mazleen Bt Othman (mazleen@doe.gov.my)
2. JAMILAH BINTI ABDULLAH (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor